Sources: Updated estimates of Mahler et al. 2020, based on Lakner et al. 2020; PovcalNet (online analysis tool), World Bank, Washington, DC, http://iresearch.worldbank.org/PovcalNet/; World Bank 2020a, 2020b. Note: Three growth scenarios are considered: First, pre-COVID-19 uses the January 2020 Global Economic Prospects (GEP) growth forecasts for 2020 and 2021, predating the COVID-19 crisis, and the June 2020 forecasts for 2019. Second and third, COVID-19-downside and COVID-19-baseline use the June 2020 GEP growth forecasts projecting a contraction in global growth in 2020 of 8 percent and 5 percent, respec- tively. Mahler et al. (2020) use the January 2020 GEP growth forecasts (World Bank 2020a) for the pre- COVID-19 scenario in 2019. They thus find a difference in projected poverty rates under the pre-COVID-19 and COVID-19 scenarios in 2019. To calculate the number of additional poor attributable to COVID-19 in 2020, they use a difference-in-differences methodology. Here, it is sufficient to use the raw difference between the pre-COVID-19 and COVID-19 scenarios for 2020.

However, such an exercise involves additional assumptions about the relationship between. national accounts growth and growth in the survey welfare aggregate (measured either as consumption or income). In particular, it is assumed that (1) only 85 percent of national accounts growth is passed through to the survey welfare aggregate, and that (2) growth is distribution neutral, such that all households grow at the same rate (which equals 0.85 times national accounts growth). This method is similar to the approach PovcalNet uses to line up surveys to a common reference year (Prydz et al. 2019; World Bank 2015a). Nowcasting global poverty to 2020 provides an estimate of the effect of the COVID-19 pandemic on global poverty. The magnitude of this effect is still highly uncertain, but it is clear that the pandemic will lead to the first increase in global poverty since the 1998 Asian financial crisis, when global poverty increased by 0.4 percentage point and 47 million people were pushed into extreme poverty relative to the previous year (see figure 1A.2 for a long-term perspective on global poverty from 1990 to 2030). However, the increase in poverty attributable to COVID-19 is estimated to be considerably larger, between 1.1 and 1.5 percentage points relative to a pre-COVID-19 scenario. Given that current poverty rates are lower than in 1997, the increase in the poverty rate is larger not only in absolute terms but also in relative terms. Figure 1.4 shows the nowcast of global poverty to 2020 and 2021, updating earlier work by Mahler et al. (2020), based on Lakner et al. (2020). To understand the effect of the current crisis on global poverty, this exercise is carried out using three different growth scenarios, while assuming that inequality remains unchanged. The first scenario estimates the nowcast in 2020 and 2021 using gross domestic product (GDP) growth data from the January 2020 edition of the Global Economic Prospects (GEP) report (World Bank 2020a), which predates the COVID-19 pandemic. These numbers confirm a continuing slowdown in poverty reduction, yielding an estimated global extreme poverty rate of 7.9 percent in 2020 and 7.5 percent in 2021 (figure 1.4, panel a), corresponding to 615 million and 586 million poor (figure 1.4, panel b).

The second and third scenarios use more recent growth data from the June 2020 edition of the GEP report (World Bank 2020b), which incorporates the effect of COVID-19 on growth. These forecasts indicate that the COVID-19 pandemic will cause a contraction in global

per capita GDP growth of between 5 percent and 8 percent in 2020. These scenarios are considered separately in the calculations and translate into a global poverty rate of between 9.1 percent and 9.4 percent in 2020, setting back the clock as much as three years to a level similar to that estimated for 2017.

Figure 1.5: Additional Poor at the US$1.90-a-Day Poverty Line in 2020, per the COVID-19-Baseline and COVID-19-Downside Scenarios


Using the counterfactual scenario, it is also possible to estimate the additional number of people pushed into extreme poverty by the pandemic in 2020. By comparing the poverty nowcasts using the pre-COVID-19 growth rates with those using the post-COVID-19 growth rates, it is estimated that 88 million people will be pushed into poverty under the baseline scenario and as many as 115 million people under the downside scenario. These estimates suggest that South Asia will be the region hardest hit, with 49 million additional people (almost 57 million under the downside scenario) pushed into extreme poverty (figure 1.5). Sub-Saharan Africa would be the next most affected region, with between 26 million and 40 million additional people predicted to be pushed into extreme poverty. At the US$3.20-a-day poverty line discussed below in this chapter, between 175 million and 223 million people are estimated to be pushed into poverty, primarily in South Asia. The projections in figure 1.4 assume that inequality remains unchanged. At the same time, several authors have argued that COVID-19 will have a disproportionately negative effect on the poor, exacerbating preexisting inequalities as well as creating new ones (see above). However, in the absence of data on the distributional impacts of the pandemic for a large set of countries, predicting what the effect on inequality will be is difficult. Keeping this uncertainty in mind, Lakner et al. (2020) assess the effect of changes in inequality by modeling scenarios that assume a change in the Gini index of 1 percent and 2 percent per year between 2019 and 2030. If COVID-19 also increases inequality, in 2020 global poverty under the COVID-19-baseline and COVID-19 downside scenarios would range between 9.2 percent and 9.6 percent (if the Gini index increases by 1 percent in all countries) or between 9.5 percent and 9.8 percent (if the Gini index increases by 2 percent in all countries). Compared with the distribution-neutral scenario, which projects between 703 million and 729 million people living in extreme poverty in 2020 as reported in figure 1.4, panel b, an increase in inequality could see between 717 million and 746 million (if the Gini index increases by 1 percent) or between 734 million and 762 million (if the Gini index increases by 2 percent) people living in extreme poverty in 2020. Figure 1A.3 shows the results of relaxing the distribution-neutral assumption adopted so far and updates the Lakner et al. (2020) estimates to the latest PovcalNet data used in this chapter.

Figure 1A.3: Projection of Global Poverty at the US$1.90-a-Day Poverty Line to 2030 with Changes in the Gini Index

Source: Lakner et al. 2020. Note: The assumption of distribution neutrality is relaxed, and a change in the Gini index of 1 percent (panel a) or 2 percent (panel b) per year is included in the projections to reflect the effect of a change in inequality during the period of analysis. See figure 1.6.

Figure 1.6: Projection of Global Poverty at the US$1.90-a-Day Poverty Line, to 2030

Sources: Updated estimates of Lakner et al. 2020; PovcalNet (online analysis tool), World Bank, Wash- ington, DC, http://iresearch.worldbank.org/PovcalNet/; World Bank 2020a, 2020b. Note: All six scenarios use assumptions identical to those used in figure 1.4 until 2021. For 2021–30, scenarios with historical growth use the annualized growth rate for each country between 2008 and 2018. Another set of growth scenarios is chosen such that all economies grow at the same rate between 2021 and 2030, and such that the 2030 target of 3 percent extreme poverty is reached: these growth rates are estimated to be 7 percent for pre-COVID-19, 8 percent for COVID-19-baseline, and 8.5 percent for the COVID-19-downside.

KAJIAN IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) KEPADA PERBELANJAAN ISI RUMAH (IR)

Pengenalan

Pelaksanaan PKP secara tidak langsung memberi kesan kepada aktiviti ekonomi termasuklah dari segi pendapatan dan corak perbelanjaan IR. Satu kajian bagi melihat kepada corak perbelanjaan IR telah dibuat berdasarkan kepada item terperinci perbelanjaan yang dibuat oleh isi rumah Malaysia. Objektif kajian adalah untuk mengkaji jumlah keperluan tunai bagi isi rumah untuk berbelanja sepanjang PKP. Perbelanjaan Isi Rumah terbahagi kepada dua (2):

Perbelanjaan Penggunaan

Merangkumi semua perbelanjaan sama ada tunai/ kredit ke atas barangan & perkhidmatan untuk kegunaan persendirian, yang diterima dalam bentuk mata benda secara percuma/ konsesi, barangan penggunaan sendiri serta nilai sewa bersih rumah yang diduduki oleh pemiliknya.

Perbelanjaan Bukan Penggunaan

Meliputi pembayaran ke atas perkhidmatan yang bertujuan untuk menambah hasil kerajaan, pembayaran yang tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan perolehan perkhidmatan yang diterima serta bayaran balik pinjaman dan simpanan. Contoh; cukai pendapatan & cukai langsung, KWSP, PERKESO, bayaran nafkah dan pemberian kepada isi rumah lain.

Rajah 1: 13 Kumpulan Utama Perbelanjaan Isi Rumah

Kesan PKP kepada Aktiviti Perbelanjaan Isi Rumah

• IR tidak membeli barang tahan lama & separa tahan lama sepanjang tempoh PK kecuali secara atas talian.

• Penggunaan pengangkutan awam yang minima, pergerakan yang terhad serta penurunan harga minyak menyebabkan purata perbelanjaan isi rumah bagi Pengangkutan turun sehingga 80 peratus.

• Tiada perbelanjaan untuk Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan serta Hotel kecuali yang melibatkan perkhidmatan yang boleh dicapai dari rumah seperti perkhidmatan TV berbayar.

• Perbelanjaan bagi makanan dan minuman di rumah meningkat 27 peratus dengan mengambil kira pembelian bahan mentah bagi makanan yang dibeli di luar rumah sebelum PKP.

•• IR masih membeli barangan penjagaan diri di mana ianya menyumbang 43.9 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan Pelbagai Barang dan Perkhidmatan.

•• Maklumat sewa dinilai tidak diambilkira memandangkan objektif kajian ini adalah untuk mengkaji jumlah keperluan tunai semasa.

•• Penggunaan utiliti dijangka meningkat 50 peratus kerana IR berada di rumah sepanjang masa berbanding hanya sebelah malam sebelum PKP.

Purata Perbelanjaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Utama

Corak Perbelanjaan IR semasa PKP dijangka berbeza dari corak perbelanjaan sebelum PKP. Ini kerana perbelanjaan IR lebih tertumpu kepada barangan dan perkhidmatan yang sangat diperlukan oleh isi rumah seperti makanan, utiliti, kesihatan dan komunikasi. Purata perbelanjaan penggunaan IR semasa PKP dianggar berkurang sebanyak RM1,923 atau 48 peratus manakala purata perbelanjaan IR jika termasuk perbelanjaan kewangan mencatatkan penurunan sebanyak RM3,504 atau 55 peratus daripada perbelanjaan sebelum PKP. Perbelanjaan kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 27 peratus kesan dari keperluan pembelian bahan mentah tambahan bagi tujuan makan di rumah. Selain itu, perbelanjaan bagi kumpulan pendidikan dan komunikasi dijangka tidak berubah. Hal ini kerana, perkhidmatan pembelajaran secara atas talian masih boleh dilaksanakan dan perkhidmatan komunikasi disokong oleh peningkatan pembelian perkhidmatan komunikasi bagi keperluan semasa.

Sementara itu, kumpulan utama yang mencatatkan penurunan adalah Pakaian & kasut (95%); Pengangkutan (89%); Restoran & Hotel (86%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan IR (72%); Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (71%); Minuman Alkohol & Tembakau (65%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan api lain (58%); Pelbagai Barang dan Perkhidmatan (39%); dan Kesihatan (38%).

Rajah 2: Purata Perbelanjaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Utama

Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah

Dari segi komposisi perbelanjaan, kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol mendominasi purata perbelanjaan dengan 44 peratus berbanding hanya 18 peratus sebelum PKP. Ini dikuti dengan kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan api lain (19%), Komunikasi (10%) dan Pelbagai Barang & Perkhidmatan (9%). Sementara itu, komposisi perbelanjaan bagi kumpulan lain hanya menyumbang kurang dari 5 peratus.

Carta 1: Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah

Kesan PKP kepada Perbelanjaan Isi Rumah mengikut Kelas Pendapatan

Jika dilihat dari sudut kelas pendapatan, didapati kumpulan kelas pendapatan Top 20 (T20) menunjukkan penurunan ketara dari segi perbelanjaan penggunaan iaitu sebanyak (59%) diikuti kumpulan M40 (48%) dan B40 (41%).

Carta 2: Purata Perbelanjaan Penggunaan Sebelum dan Semasa PKP mengikut Kelas Pendapatan

Jika semua IR menerima penangguhan rasmi pinjaman yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia, maka perbelanjaan kumpulan kelas pendapatan T20 menurun secara ketara berbanding sebelum PKP iaitu sebanyak 63 peratus. Manakala, kumpulan kelas pendapatan M40 dan B40 masing-masing menurun 54 peratus dan 49 peratus.

Carta 3: Purata Perbelanjaan (Temasuk Perbelanjaan Kewangan) Sebelum dan Semasa PKP mengikut Kelas Pendapatan

Kesan Pengurangan Perbelanjaan Isi Rumah kepada Ekonomi

Bagi sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, ancaman COVID-19 di seluruh dunia turut menjejaskan interaksi di antara agen-agen ekonomi negara termasuklah Sektor Isi Rumah, Sektor Perniagaan, dan Pasaran Luar. Situasi ini memberi cabaran lebih besar kepada ekonomi negara walaupun Sektor Kerajaan telah menyuntik rangsangan ekonomi sebanyak RM250 billion yang sebahagian besarnya (RM128 billion) disalurkan kepada Isi Rumah.

48 peratus perbelanjaan IR berkurang semasa PKP. Bagi tempoh suku pertama 2020, Perbelanjaan swasta dijangka berkurang sebanyak 8 – 10%. Bantuan dan suntikan kewangan dari Kerajaan perlu dibelanjakan bagi merancakkan ekonomi negara. Kelewatan pembelanjaan wang oleh IR akibat daripada PKP dan kebimbangan COVID-19 akan turut melewatkan proses pemulihan ekonomi.

Rajah 3: Interaksi antara Agen-Agen Ekonomi

DITULIS OLEH:
Nur Aseken Md Ya'cob, Siti Asiah Ahmad
Bahagian Harga, Pendapatan & Perbelanjaan
Jabatan Perangkaan Malaysia

STUDY ON THE IMPACT OF MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) TO HOUSEHOLD (HH) EXPENDITURE

Introduction

The implementation of MCO indirectly effects the economic activities including household Income and expenditure pattern. A study is conducted to observe the household expenditure pattern based on the detailed items of expenditures by Malaysian households. The objective of the research is to study the amount of cash required by every household in order for them to spend during the MCO. Household Expenditure is divided into two (2):

Consumption Expenditure

Includes of all expenditure either in cash/ credit on goods & services for personal use, receives in kind whether free/ concession, goods for own consumption and net rental value of owner-occupied house.

Non-consumption Expenditure

Covers the payments made on services that were aimed to increase government revenue, payments that have no direct relation to the acquisition of services received and repayment of loans as well as savings. For instance, income tax & other direct taxes, EPF, SOCSO, alimony fees and extension to other household.

Figure 1: 13 Main Groups of Household Expenditure

The Effect of MCO on Household Expenditure Activities

- *HHs does not purchase durable & semi-durable goods during the MCO except on online basis.*
- *The minimum usage of public transport, the limited movement and the drop of oil prices caused the average of household expenditure in Transport decreased up to 80 per cent.*
- *No expenditure on recreational & cultural services and hotels except for the services that can be accessed from home such as the pay or paid TV services.*
- *The expenditure for food & beverages at home increased 27 per cent, taking into consideration the purchase of raw materials for food that consumed away from home before MCO.*
- *HHs still purchase the personal care items where it contributes 43.9 per cent from the total expenditure on Miscellaneous Goods & Services.*
- *Information on imputed rent is not taken into account since the objective of the study is to review the current cash requirement.*
- *The consumption of utilities is expected to increase 50 per cent since HHs stay at home all the time as compared to only at nights before the implementation of MCO.*

Average Household Expenditure by Main Group

HH expenditure pattern during the MCO is expected to differ from the expenditure pattern before the MCO. This is because the expenditure of household is more focused on goods and services that are really required by the household such as food, utilities, health and communication.. The average of household consumption expenditure during the MCO is estimated to reduce by RM1,923 or 48 per cent while the average of household expenditure inclusive of financial expenses to record a decrease of RM3,504 or 55 per cent from the expenditure before the MCO. Expenditure on food and non-alcoholic beverages group increased by 27 per cent resulted from the requirement to purchase additional raw materials for eat-at-home purpose. Besides that, the expenditure on education and communication groups is expected unchanged. This is due to online education services that are still being implemented and communication services are being supported by the higher consumption on communication services for the current needs. Meanwhile, the main groups that recorded a decrease are Clothing & Footwear (95%); Transport (89%); Restaurants & Hotels (86%); Furnishings, Household Equipment & Routine Household

Figure 2: Total Expenditure (Include Non-Consumption Expenditure)

Maintenance (72%); Recreation Services & Culture (71%); Alcoholic Beverages & Tobacco (65%); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (58%); Miscellaneous Goods & Services (39%); and Health (38%).

Composition of Household Consumption Expenditure

In terms of the expenditure composition, food & non-alcoholic beverages group dominates the average expenditure with the share of 44 per cent during MCO as compared to only 18 per cent before the MCO. This is followed by Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (19%),Communication (10%) and Miscellaneous Goods & Services (9%). Meanwhile, the composition of expenditure on other groups only contributes less than 5 per cent.

Chart 1: Total Expenditure (Include Non-Consumption Expenditure)

The Impact of MCO on Household Expenditure by Income Class

On the income class perspective, it is found that the Top 20 (T20) income class group showed a significant decrease in consumption expenditure with 59 per cent followed by the M40 (48%) and B40 (41%).

Chart 2: Average Consumption Expenditure Before and During the MCO by Income Class

If all HH accepted the official moratorium of loan announced by Central Bank of Malaysia, the expenditure Top 20 would have dropped significantly as compared to before the MCO by 63 per cent. Meanwhile, M40 and B40 fell by 54 per cent and 49 per cent respectively.

Chart 3: Average Expenditure (Include Financial Expenses) Before and During the MCO by Income Class

Legend: Average Household Expenditure before the MCO | Average Household Expenditure during the MCO

Income Class	Before MCO	During MCO	% Change
B10	1,705	925	-46%
B20	2,636	1,371	-48%
B30	3,422	1,728	-49%
B40	4,005	2,031	-49%
M10	4,710	2,355	-50%
M20	5,562	2,705	-51%
M30	6,563	3,080	-53%
M40	7,920	3,633	-54%
T10	10,170	4,459	-56%
T20	17,937	6,618	-63%
Malaysia	6,398	2,868	-55%

The Impact of the Decrease in Household Consumption Expenditure to the Economy

For a country that practices an open economy, the worldwide threat of COVID-19 also affects the interaction of country's economic agents including the Household Sector, the Business Sector and the Foreign Market. This situation poses a bigger challenge to country's economy despite the injection of RM250 billion as an economic stimulus package by the Government Sector where most of it (RM128 billion) is channeled to household.

48 per cent of HH expenditure decreased during the MCO. For the first quarter of 2020, the Private Expenditure is expected to reduce by 8 – 10%. Financial aid and injections from the Government need to be spent to boost the economy. The delays in spending by HH due to the MCO and their concerns on COVID-19 will delay the economic recovery process.

Figure 3: Interactions between Economic Agents

WRITTEN BY:
Nur Aseken Md Ya'cob, Siti Asiah Ahmad
Prices, Income & Expenditure Statistics Division
Department of Statistics Malaysia

Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020
Household Income Estimates and Incidence of Poverty 2020

25

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH B40 DAN M40 MENGIKUT NEGERI

Nota: Statistik yang terkandung di dalam artikel ini adalah merujuk kepada data daripada Survei Pendapatan & Kemudahan Asas (HIS/BA) 2016.

DEFINISI PENDAPATAN

Pendapatan yang biasa & pasti diterima oleh semua ahli isi rumah daripada punca-punca pendapatan dalam tempoh rujukan selama setahun. Empat komponen punca pendapatan isi rumah merangkumi:

- Pendapatan bergaji
- Harta dan Pelaburan
- Bekerja sendiri
- Pindahan semasa diterima

Rajah 1: Komponen Pendapatan

Komponen Pendapatan

| 63.0%	16.0%
Pendapatan bergaji	Bekerja sendiri
13.0%	8.0%
Harta & pelaburan	Pindahan semasa diterima

KUMPULAN ISI RUMAH B40 DAN M40: DEFINISI NASIONAL

B40, M40 dan T20 merupakan kumpulan isi rumah yang wujud dalam struktur taburan pendapatan isi rumah di Malaysia. Isi rumah B40 adalah isi rumah berpendapatan di bawah RM4,360. Isi rumah M40 adalah isi rumah berpendapatan di antara RM4,360 – RM9,619. Kumpulan isi rumah T20 adalah berpendapatan melebihi RM9,619. Berdasarkan kepada definisi B40, M40 dan T20 nasional, bilangan isi rumah B40 adalah seramai 2.78 juta, isi rumah M40 adalah 2.78 juta dan isi rumah T20 adalah seramai 1.33 juta isi rumah.

Taburan Isi Rumah B40 mengikut Negeri

Perak merupakan negeri yang mempunyai bilangan isi rumah B40 yang terbesar iaitu sebanyak 12.5 peratus, Ini diikuti oleh Selangor (11.4%) dan Sarawak (11.0%). Putrajaya merekodkan bilangan isi

**Carta 1: Taburan Isi Rumah B40 mengikut negeri**

B40: 2.78 million households

rumah B40 sebanyak 0.1 peratus daripada keseluruhan jumlah isi rumah B40.

TABURAN ISI RUMAH M40 MENGIKUT NEGERI

Kira-kira 26.4 peratus daripada keseluruhan taburan isi rumah M40 berada di Selangor iaitu 733.0 ribu isi rumah. Ini diikuti oleh 392.0 ribu isi rumah (14.1%) di Johor dan 211.0 ribu isi rumah (7.6%) di Perak. Tambahan pula, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya masing-masing

Carta 2: Taburan Isi Rumah M40 mengikut negeri

M40: 2.78 million households

merekodkan bilangan isi rumah M40 sebanyak 8.0 ribu (0.3%) dan 14.0 ribu (0.5%) isi rumah.

TARAF AKTIVITI KETUA ISI RUMAH B40

Pekerja swasta

W.P. Labuan merekodkan peratusan isi rumah B40 tertinggi bagi ketua isi rumah yang berstatus pekerja swasta iaitu 65.0 peratus dan diikuti oleh Selangor (61.0%) serta Pulau Pinang (60.0%).

Bekerja sendiri

Dalam kalangan isi rumah B40 yang bekerja sendiri, Kelantan mencatatkan peratusan sebanyak 38.0 peratus diikuti oleh Perlis (36.0%). Manakala Terengganu, Kedah dan Pahang masing-masing merekodkan 34.0 peratus.

Carta 3: Peratusan Taraf Aktiviti Ketua Isi Rumah B40

TARAF AKTIVITI KETUA ISI RUMAH M40

Pekerja swasta

Johor dan Selangor merekodkan peratusan pekerja swasta dari kumpulan isi rumah M40 yang tertinggi iaitu masing-masing 68.0 peratus dan diikuti oleh Pulau Pinang (67.0%).

Bekerja sendiri

Dalam kalangan isi rumah M40 yang bekerja sendiri, Perlis mencatatkan peratusan sebanyak 36.0 peratus diikuti oleh Terengganu (34.0%) dan Kelantan (28.0%).

Carta 4: Peratusan Taraf Aktiviti Ketua Isi Rumah M40

PURATA PERBELANJAAN ISI RUMAH B40 DAN M40

Purata perbelanjaan bagi isi rumah B40 ialah RM2,284 sebulan. Manakala, kumpulan isi rumah M40 pula berbelanja secara purata sebanyak RM4,104 sebulan. Perbelanjaan yang dilakukan adalah terhadap 12 kumpulan utama perbelanjaan tidak termasuk perbelanjaan ke atas Pelbagai Perbelanjaan & Perbelanjaan Kewangan.

Carta 5: Purata Perbelanjaan Isi Rumah B40 dan M40

KUMPULAN PERBELANJAAN UTAMA BAGI ISI RUMAH B40

Negeri-negeri di Pantai Timur secara peratusannya memperuntukan perbelanjaan ke atas Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Beralkohol lebih tinggi berbanding ke atas perbelanjaan lain. Kelantan merekodkan peratus sebanyak 32.6 peratus ke atas Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Beralkohol, diikuti oleh Terengganu (29.4%) dan Pahang (26.7%). Di samping itu, Kedah juga merekodkan peratus perbelanjaan yang tinggi ke atas kumpulan ini iaitu 29.1 peratus. W.P. Putrajaya pula merekodkan peratus perbelanjaan yang tinggi ke atas Kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan api lain (42.6%).

Carta 6: Kumpulan Utama Perbelanjaan Isi Rumah B40

KUMPULAN PERBELANJAAN UTAMA BAGI ISI RUMAH M40

Pola perbelanjaan ke atas Kumpulan Perbelanjaan Utama bagi Isi rumah M40 Negeri-negeri di Pantai Timur secara peratusannya memperlihatkan corak perbelanjaan yang sama bagi isi rumah B40. Peratusan perbelanjaan ke atas Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Beralkohol adalah lebih tinggi berbanding perbelanjaan lain. Kelantan merekodkan peratus sebanyak 24.0 peratus ke atas kumpulan ini, diikuti oleh Terengganu (23.8%) dan Pahang (21.3%). Di samping itu, Kedah juga merekodkan peratus perbelanjaan yang tinggi ke atas kumpulan ini iaitu 22.0 peratus. W.P Labuan pula merekodkan peratus perbelanjaan yang tinggi ke atas Kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan api lain (34.7%).

Carta 7: Kumpulan Utama Perbelanjaan Isi Rumah M40

NOTA:
Kumpulan Perbelanjaan:

01	Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	07	Pengangkutan
02	Minuman Alkohol & Tembakau	08	Komunikasi
03	Pakaian & Kasut	09	Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan
04	Perumahan, Air, Elektrik, Gas, dan Bahan Api Lain	10	Pendidikan
05	Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	11	Restoran & Hotel
06	Kesihatan	12	Pelbagai Barang & Perkhidmatan

DITULIS OLEH
Shahriman Haron, Siti Asiah Ahmad
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan & Perbelanjaan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020
Household Income Estimates and Incidence of Poverty 2020

27

HOUSEHOLD INCOME AND EXPENDITURE OF M40 AND B40 HOUSEHOLD GROUP BY STATE

Note: The statistics in this article using data from the Basic Income & Facilities Survey (HIS/BA) 2016.

DEFINITION OF INCOME

Income received (accrued) by household members in form of cash or in-kinds repeatedly received from various sources of income within the reference period within a year. Four components of households sources of income include:

- Paid employment
- Self employment
- Property & Investment
- Current transfer received

Figure 1: Component of Income

Component of Income

63.0% Paid Employment

16.0% Self Employment

13.0% Property & Investment

8.0% Current Transfer

B40 AND M40 HOUSEHOLD GROUP: NATIONAL DEFINITION

The structure of household in Malaysia comprises B40, M40 and T20. B40 households are households with income less than RM4,360. M40 households are households with income in between RM4,360 and RM9,619. T20 households are households with income more than RM9,619.

Based on the national definition of B40, M40, and T20, the number of households for B40 is 2.78 million, M40 households with 2.78 million and T20 with 1.33 million households.

DISTRIBUTION OF B40 HOUSEHOLDS BY STATE

Perak is a state with the largest percentage of B40 households with 12.5 per cent, followed by Selangor (11.4%) and Sarawak (11.0%). W.P. Putrajaya recorded the percentage of B40 households of 0.1 per cent from overall B40 households.

Chart 1: Distribution of B40 Household by State (%)

B40: 2.78 million households

DISTRIBUTION OF M40 HOUSEHOLDS BY STATE

About 26.4 per cent of overall M40 households are in Selangor with 733.0 thousand households. This is followed by 392.0 thousand households (14.1%) in Johor and 211.0 thousand households (7.6%) in Perak. In addition, W.P. Labuan and W.P. Putrajaya recorded the number of M40 households of 8.0 thousand (0.3%) and 14.0 thousand (0.5%) respectively.

Chart 2: Household Distribution of M40 by State (%)

M40: 2.78 million households

ACTIVITY STATUS OF HEAD OF B40 HOUSEHOLD

Private employees

W.P. Labuan recorded the highest percentage of B40 households for household heads with status of private employees from the B40 group at 65.0 per cent, followed by Selangor (61.0%) and Pulau Pinang (60.0%).

Self-employed

Among the B40 households who are self-employed, Kelantan recorded a percentage of 38.0 per cent followed by Perlis (36.0%). Meanwhile, Terengganu, Kedah and Pahang each recorded 34.0 per cent.

Chart 3: Activity Status of Head of B40 Household

ACTIVITY STATUS OF HEAD OF M40 HOUSEHOLD

Private employees

Johor and Selangor recorded the highest percentage of private employees from the M40 household group at 68.0 per cent each, and followed by Pulau Pinang (67.0%).

Self employed

Among the M40 households who are self-employed, Perlis recorded a percentage of 36.0 percent followed by Terengganu (34.0%) and Kelantan (28.0%).

Chart 4: Activity Status of Head of M40 Household

MEAN OF EXPENDITURE OF B40 AND M40 HOUSEHOLDS

The mean of expenditure for a B40 household are RM2,284 per month. Meanwhile, the M40 household group spends an average of RM4,104 per month. Expenditure incurred is on 12 main expenditure groups excluding Miscellaneous Expenses & Financial Expenses.

Chart 5: Expenditure of B40 and M40 Household

MAIN EXPENDITURE GROUP FOR B40 HOUSEHOLDS

East-Coast states allocate higher expenditure on Food and Non-alcoholic Beverages group as compared to other expenditure groups. Kelantan recorded 32.6 per cent on Food and Non-alcoholic Beverages, followed by Terengganu (29.4%) and Pahang (26.7%). Apart from that, Kedah also recorded higher percentage on the same group which is 29.1 per cent. On the contrary, W.P. Putrajaya registered higher expenditure on Housing, Water, Electric, Gas and Other Fuels (42.6%).

Chart 6: Main Expenditure Group for B40 Household

MAIN EXPENDITURE GROUP FOR M40 HOUSEHOLD

Expenditure pattern of Main Expenditure Group for M40 household in East-Coast State by percentage shows the same pattern for B40 households. Percentage of expenditure on Food and Non-alcoholic Beverages is higher compared to other group. Kelantan registered a percentage of 24.0 per cent on this group, followed by Terengganu (23.8%) and Pahang (21.3%). Meanwhile, Kedah also recorded high percentage of expenditure on this group which is 22.0 per cent. W.P. Labuan registered higher percentage for expenditure on Housing, Water, Electric, Gas and Other Fuels (34.7%).

Chart 7: Main Expenditure Group for M40 Household

NOTES:
Expenditure Group:

01	Food and Non-Alcoholic Beverages	07	Transport
02	Alcoholic Beverages & Tobacco	08	Communication
03	Clothing & Footwear	09	Recreation Services & Culture
04	Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels	10	Education
05	Furnishings, Households Equipment & Routine	11	Restaurant & Hotel
06	Health	12	Miscellaneous Goods & Services

WRITTEN BY:
Shahriman Haron, Siti Asiah Ahmad
Price, Income and Expenditure Statistics Division
Department of Statistics Malaysia

Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020
Household Income Estimates and Incidence of Poverty 2020

29

PERUBAHAN GAYA HIDUP DAN PERSEPSI TERHADAP PETUGAS KESIHATAN (*FRONTLINERS*) SEMASA PANDEMIK COVID-19

PENGENALAN

Dunia telah berubah secara mendadak sejak penularan wabak COVID-19. Wabak ini telah meragut nyawa dalam jumlah yang besar. Banyak Negara telah melakukan *Lockdown* atau Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak tersebut.

Di Malaysia, PKP fasa satu telah dilaksanakan pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. Manakala, fasa kedua, pada 25 Mac 2020 sehingga 14 April 2020. Seterusnya, fasa ketiga, telah dilanjutkan sehingga 28 April 2020. Rakyat Malaysia perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan bagi memastikan keselamatan diri dan keluarga mereka. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menjalankan Survei Khas Kesan COVID-19 kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 2) secara dalam talian bagi tempoh 10 hingga 24 April 2020. Seramai 41,386 responden yang berumur 15 tahun dan ke atas telah menyertai survei ini. Soal selidik bagi survei ini terdiri daripada empat modul iaitu ekonomi, pekerjaan, gaya hidup, dan pendidikan. Walau bagaimanapun, artikel ini bertujuan untuk membincangkan mengenai modul gaya hidup yang memberi tumpuan kepada petugas kesihatan & fasiliti kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan dalam menangani COVID-19 dan kesan terhadap gaya hidup rakyat Malaysia.

PERSEPSI TERHADAP PETUGAS KESIHATAN (*FRONTLINERS*) DAN KEMUDAHAN KESIHATAN KERAJAAN

Berdasarkan survei ini, 96.1 peratus responden berpuas hati dengan petugas kesihatan (frontliners) dan fasiliti kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan dalam menangani COVID-19. Manakala, jumlah peratusan responden yang tidak berpuas hati hanya 0.5 peratus. Ini menunjukkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberikan sepenuh komitmen dalam mengendalikan situasi ini walaupun mengetahui risiko tinggi yang dihadapi. Selaras dengan itu, bilangan hospital khusus untuk rawatan COVID-19 telah meningkat. Sebuah hospital sementara telah ditubuhkan di Malaysia iaitu Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) pada 25 Mac 2020 sebagai persediaan untuk peningkatan jumlah kes COVID-19 yang juga menyediakan perkhidmatan klinikal. Perkhidmatan ini termasuk wad pesakit dalaman, bilik resusitasi, perkhidmatan ambulans, farmasi, perkhidmatan x-ray dan perkhidmatan makmal patologi.

Carta 1: Persepsi Terhadap Petugas kesihatan (Frontliners) dan Fasiliti Kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan dalam Menangani COVID-19

Sangat tidak berpuas hati	0.1%
Tidak berpuas hati	0.4%
Neutral	3.3%
Berpuas hati	20.8%
Sangat berpuas hati	75.3%

Sebilangan besar responden (93.7%) berpuas hati dengan pencapaian dan fasiliti yang disediakan dalam menangani COVID-19 di Malaysia berbanding Negara-negara lain manakala hanya 0.9 peratus responden yang tidak berpuas hati.

Menurut survei yang dijalankan oleh *Health Foundation, United Kingdom*, majoriti atau 56.0 peratus menekankan bahawa Kerajaan telah mengendalikan kes COVID-19 dengan baik, berbanding hanya 39.0 peratus yang tidak berpuas hati.

Carta 2: Persepsi Terhadap Pencapaian dan Fasiliti yang Disediakan dalam Menangani COVID-19 di Malaysia Berbanding Negara-Negara Lain

|	
Sangat berpuas hati	62.9%
Berpuas hati	30.8%
Neutral	4.7%
Tidak pasti	0.6%
Tidak berpuas hati	0.7%
Sangat tidak berpuas hati	0.2%

KESAN TERHADAP GAYA HIDUP

Pandemik COVID-19 telah mempengaruhi gaya hidup 96.3 peratus responden (Carta 3). Manakala hanya 3.7 peratus responden menyatakan gaya hidup mereka tidak terkesan. 92.9 peratus responden bersedia untuk mengekalkan gaya hidup sekarang apabila kembali kepada kehidupan normal setelah tamat PKP dan penularan wabak COVID-19 (Carta 4).

Carta 3: Wabak COVID-19 Mempengaruhi Gaya Hidup Responden

Carta 4: Kesediaan untuk Mengekalkan Gaya Hidup Sekarang Apabila Kembali kepada Kehidupan Normal Setelah PKP/Wabak COVID-19 Berakhir

Seramai 38,455 responden bersedia untuk mengekalkan gaya hidup sekarang, 93.6 peratus akan meningkatkan penjagaan kebersihan/ hygiene, diikuti dengan menghadkan aktiviti sosial 83.3 peratus dan menghadkan aktiviti pelancongan 67.1 peratus. Ini menunjukkan majoriti responden memberi keutamaan kepada amalan penjagaan kebersihan diri untuk mengelakkan jangkitan (Carta 5).

Carta 5: Perubahan Gaya Hidup

Begitu juga, Kang-Hyun Park et. al. (2021) menyatakan bahawa gaya hidup seperti aktiviti fizikal telah berubah berikutan penularan wabak COVID-19. KKM telah menyeru rakyat untuk menerima, menyesuaikan diri dan menempuhi norma baharu kehidupan dengan COVID-19 (Malaysiakini, 2020).

Perubahan ini selari dengan penemuan kertas penyelidikan daripada (Korea, 2021) berkenaan kesan pendemik COVID-19 kepada gaya hidup, kesihatan mental, dan kualiti hidup orang dewasa di Korea Selatan.Penemuan ini menunujukkan corak perubahan gaya hidup bagi penduduk Korea Selatan sebelum dan selepas pandemik COVID-19.

KESIMPULAN

Rakyat Malaysia berpuas hati dengan petugas kesihatan (*frontliners*) dan fasiliti kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan dalam menangani COVID-19. Selain itu, COVID-19 telah memberi kesan terhadap gaya hidup yang perlu mengamalkan norma baharu. Semoga rakyat Malaysia terus bersama-sama memberi sokongan dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan untuk meringankan beban petugas barisan hadapan terutama pegawai perubatan dalam menangani penularan wabak COVID-19.

PENAFIAN

Analisis yang dipaparkan adalah berdasarkan kepada responden yang menyertai survei ini dan tidak mewakili pandangan seluruh rakyat Malaysia. Ia harus ditafsir secara berhati-hati bagi menilai kesan COVID-19 di Malaysia dan ia bukanlah statistik rasmi. Namun, ia boleh digunakan untuk menyokong dalam memberi gambaran tentang situasi semasa. DOSM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang implikasi daripada penggunaan statistik ini.

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

RUJUKAN

1. Public perceptions of health and social care in like of COVID-19 (2020, July). Health Foundation. https://www.health.org.uk/publications/ reports/public-perceptions-of-health-and-social-care-in-light-of-covid-19 -july-2020

2. Kang-Hyun Park,Ah-Ram Kim,Min-Ah Yang,Seung-Ju Lim,Ji-Hyuk Park (2021). Impact of the COVID-19 pandemic on the lifestyle, mental health, and quality of life of adults in South Korea. https:// doi.org/10.1371/journal.pone.0247970.

3. Abdullah, N.H (2020, May 3). M'sians must adapt, adjust and accommodate the new normal. Malaysiakini. https:// www.malaysiakini.com/news/523762 (2020)

4. Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Survei Khas Kesan COVID-19 kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 2) April 2020

DITULIS OLEH:
Nurul Natashadia Kassim, Mohammad Darahim Ibrahim, Noor Masayu Mhd Khalili, Riyanti Saari
Bahagian Metodologi dan Penyelidikan
Jabatan Perangkaan Malaysia

30

Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020
Household Income Estimates and Incidence of Poverty 2020

LIFESTYLE CHANGES AND PERCEPTION TOWARDS HEALTHCARE WORKERS (FRONTLINERS) DURING COVID–19 PANDEMIC

INTRODUCTION

The world has changed dramatically since the outbreak of COVID-19. The outbreak has claimed the lives of a tragically high number of people. Many countries has under Lockdown or Movement Control Order (MCO) to curb the pandemic.

In Malaysia, MCO phase one was implemented on 18th March 2020 to 31st March 2020, second phase, on 25th March 2020, until 14th April 2020. Next, the third phase, was extended until 28th April 2020. Malaysians follow strict Standard Operating Procedure (SOP) to ensure the safety of themselves and their families. Department of Statistics Malaysia (DOSM) has conducted the Special Survey on COVID-19's Impact on the Economy and Individual (Round 2) via online from 10th to 24th April 2020. A total of 41,386 respondents aged 15 and above participated in the survey. The questionnaire consists of four modules that are economy, employment, lifestyle, and education. However, this article aims to discuss regarding lifestyle module focusing on health care workers & government facilities tackling in COVID-19 and its impacts on Malaysia lifestyle.

PERCEPTION ON HEALTHCARE WORKERS (FRONTLINERS) AND GOVERNMENTS HEALTH FACILITIES

Based on this survey, 96.1 per cent of the respondents were satisfied with the health care workers (frontliners) and government health facilities in tackling COVID-19. Meanwhile, the proportion of unsatisfied respondents is only 0.5 per cent. This indicates that the Ministry of Health (MOH) has given their full commitment in handling with this situation despite the high risks. In line with this, the number of hospitals specifically for COVID-19 treatment increase. A provisional hospital was set up in Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) on 25th March 2020 in preparation for the rising numbers of COVID-19 cases, which offered all-inclusive clinical services. The services include inpatient ward, resuscitation room, ambulance services, pharmacy, x-ray services and pathology lab services.

Chart 1: Opinion on Health Care Workers (Frontliners) and Government Health Facilities in Handling COVID-19

Most of the respondent (93.7%) were satisfied with the accomplishment and facilities provided in handling COVID-19 in Malaysia as compared to other countries while only 0.9 per cent of the respondents were unsatisfied.

According to the survey conducted by the Health Foundation, United Kingdom, a majority or 56.0 per cent believe that the Government has handled well, as compared to only 39.0 per cent that are dissatisfied.

Chart 2: Perception on the Accomplishment and Facilities Provided in Handling COVID-19 in Malaysia Compared to Other Countries

IMPACT OF LIFESTYLE

COVID-19 pandemic has impacted 96.3 per cent of respondents lifestyle (Chart 3). Meanwhile, only 3.7 per cent of respondents mentioned that their lifestyles was unaffected. 92.9 per cent respondents were prepared to adapt to current lifestyle when returning to normal life after the end of MCO (Chart 4).

Chart 3: Impact of COVID-19 Pandemic on Respondent's Lifestyle

Chart 4: Readiness to Maintan Current Lifestyle when Returning to Normal Life after the End of MCO/ COVID-19 Outbreak

About 38,455 respondents are willing to preserve the current lifestyle, 93.6 per cent will improve hygiene care, followed by limiting social activities 83.3 per cent and limiting tourism activities 67.1 per cent. This indicates the majority of the respondents gave priority for personel hygiene care practices to avoid infections (Chart 5).

Chart 5: Lifestyle changes

Similarly, Kang-Hyun Park et. al. (2021) revealed that lifestyle such as physical activity was changed due to COVID-19 outbreak. In Malaysia, MOH has called on the people to adapt, adjust and accomodate the "new normal" in living with COVID-19 (Malaysiakini, 2020).

These changes are parallel to the research findings from (Korea, 2021) on impact of the COVID-19 pandemic on lifestyle, mental health, and quality of life of adults in South Korea. The research presents patterns in the changes in the lifestyle of the South Korean population prior and after the onset of the COVID-19 pandemic.

CONCLUSION

Malaysians are satisfied with the health workers (frontliners) and health facilities provided by the Government in dealing with COVID-19. In addition, COVID-19 has had an impact on lifestyles that need to adopt new norms. Hopefully, Malaysians will continue to support and abide by the SOPs that have been set to ease the burden of frontliners, especially medical officers in dealing with the spread of the COVID-19 epidemic and this pandemic will end soon.

DISCLAIMER

The analysis displayed is based on respondents that participated in this survey and did not represent the entire view of Malaysian. It should be interpreted carefully for evaluate the effects of COVID-19 in Malaysia and it is not an official statistic. However, it can be used to reflect the current situation. DOSM is not responsible for any implications from the use of the statistics.

The views expressed in this article are those of the authors and do not represent the views of DOSM.

REFERENCE

1. Public perceptions of health and social care in like of COVID-19 (2020, July). Health Foundation. https://www.health.org.uk/publications/reports/public-perceptions-of-health-and-social-care-in-light-of-covid-19-july-2020

2. Kang-Hyun Park,Ah-Ram Kim,Min-Ah Yang,Seung-Ju Lim,Ji-Hyuk Park (2021). Impact of the COVID-19 pandemic on the lifestyle, mental health, and quality of life of adults in South Korea. https://doi.org/10.1371/journal.pone.0247970.

3. Abdullah, N.H (2020, May 3). M'sians must adapt, adjust and accommodate the new normal. Malaysiakini. https://www.malaysiakini.com/news/523762 (2020)

4. Deprtment of Statistics Malaysia, Report of Special Survey on Effects of COVID-19 on Economy and Individuals (Round 2) April 2020

WRITTEN BY:
Nurul Natashadia Kassim, Mohammad Darahim Ibrahim, Noor Masayu Mhd Khalili, Riyanti Saari
Reserach and Methodology Division
Department of Statistics Malaysia

KESAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 TERHADAP SYARIKAT/ PERNIAGAAN DI MALAYSIA

PENGENALAN

Lebih dari setahun, pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada perniagaan di seluruh dunia. Beberapa siri perintah kawalan pergerakan telah dilaksanakan di kebanyakan negara bagi mengekang penularan COVID-19. Sektor perniagaan terkesan memandangkan perniagaan perlu ditutup semasa PKP khususnya bagi perniagaan bukan perkhidmatan perlu. Perniagaan yang paling terkesan dan terjejas adalah Perusahaan kecil dan sederhana. Kegiatan ekonomi yang perlahan telah menyebabkan ekonomi negara terganggu. Kajian ini telah dijalankan selama 2 minggu daripada 4 hingga 21 Jun 2021. Sebanyak 2,371 responden pada minggu 1 dan 1,805 responden pada minggu 2 telah terpilih dalam kajian ini (pensampelan bukan berkebarangkalian: *convenience* sampling) dan ditemuramah melalui telefon oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Kajian ini memberikan gambaran mengenai kesan pada peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 penuh kepada pemilik perniagaan di seluruh negara.

KESAN PKP 3.0 TERHADAP HASIL JUALAN/ PENDAPATAN DAN PELANGGAN

Lebih daripada 60.0 peratus responden menyatakan bahawa jualan/ hasil mereka menurun pada minggu 1 dan minggu 2 pelaksanaan PKP 3.0 (Carta 1). Manakala hampir 60.0% responden menyatakan jumlah pelanggan menurun pada kedua-dua minggu tersebut.

Menurut Benjamin Foster (2021), sebilangan besar negara di dunia juga turut menghadapi senario yang sama disebabkan situasi yang tidak dapat diramalkan ini dengan jualan dan pengeluaran yang sangat rendah. Di samping itu, kertas kerja oleh *International Monetary Fund* (IMF) menunjukkan bahawa kadar kegagalan di kalangan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) meningkat dua kali ganda dari tahun 2020 dengan bukti yang kukuh kesan daripada kejutan penawaran dan permintaan ekonomi ketika pandemik COVID-19 (IMF, 2020).

Carta 1: Kesan PKP 3.0 Terhadap Jualan/Pendapatan dan Pelanggan

KEMAMPUAN SURVIVAL PERNIAGAAN SEKIRANYA PKP DITERUSKAN

Dari keseluruhan responden yang terlibat dalam tinjauan ini, 39.6 peratus syarikat/ perniagaan dapat bertahan selama 3 hingga 6 bulan jika sekatan ini berterusan dan hampir 30.0 peratus perniagaan dapat bertahan selama lebih daripada 6 bulan (Carta 2). Manakala, 27.1 peratus perniagaan dapat bertahan sekitar 1 hingga 2 bulan dan 7.4 peratus menyatakan mereka dapat bertahan kurang daripada satu bulan.

Carta 2: Kemampuan Survival Perniagaan Sekiranya PKP Diteruskan

BANTUAN BAGI MEMBANTU RAKYAT MENGHADAPI KRISIS

Kerajaan telah dimohon untuk melanjutkan pakej rangsangan ekonomi dengan bantuan kewangan berikutan kesan daripada PKP yang lepas. Menurut Majlis Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Melayu (GABUNG) (2021), lebih kurang 50.0 hingga 60.0 peratus golongan peniaga mengalami kerugian sehingga terpaksa menghentikan aktiviti ekonomi mereka.

Secara keseluruhan, bantuan yang amat diperlukan adalah bantuan kewangan/ subsidi dengan 71.1 peratus (Carta 3). Manakala, lebih

